

SIARAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN KE NANNING DAN SHANGHAI, REPUBLIK RAKYAT CHINA 11 - 17 SEPTEMBER 2023

SHANGHAI, 12 September 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan akan mengetuai delegasi Malaysia untuk menghadiri dan menyampaikan ucap-tama di bawah topik *“Integrating Development And Security To Build Inclusive, Safe, Resilient And Sustainable Cities”* di China-ASEAN Ministerial Roundtable on Construction di Nanning pada 16 September 2023.

Meja bulat yang julung kalinya dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Pembangunan Bandar-Desa China ini bertujuan menghimpunkan menteri-menteri dari negara ASEAN dan China dalam usaha untuk mempercepat pencapaian Agenda 2030 Matlamat Pembangunan Mampan dan Agenda Perbandaran Baharu. Selain itu, sesi meja bulat ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama Belt and Road (BRI) dan China-ASEAN dalam bidang perumahan serta pembangunan bandar dan desa.

Terlebih dahulu YB KM akan membuat lawatan penanda arasan ke bandar Shanghai selama 3 hari bermula 12 September 2023 sehingga 14 September 2023 bagi mempelajari kepesatan teknologi dan aplikasi pembangunan dan pemantauan bandar pintar.

Bandar Shanghai merupakan bandar dengan jumlah penduduk ketiga tertinggi di dunia iaitu seramai 24.89 juta penduduk pada tahun 2021 dan Shanghai memiliki kepadatan penduduk tertinggi di China. Shanghai juga digelar bandar paling pintar dunia bagi tahun 2022 dan 2023 oleh Juniper Research. Penilaian ini dibuat dari pelbagai aspek bandar pintar termasuklah pengangkutan, infrastruktur, tenaga dan pencahayaan, pengurusan bandar dan teknologi, serta jaringan perhubungan.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

